

**AKTIVITI KESUKA SEPANJANG TAHUN 2010 .**

BULAN	TARIKH	AKTIVITI
JAN	16-Jan	Kelab penyokong bola sepak KL Plus melawan Pasukan Selangor bertempat di Stadium Majlis Bandaran Petaling Jaya
	25-Jan	<p data-bbox="280 426 1604 493">Perlawanan persahabatan Futsal diantara Pewaris Alam vs Pilihan Kualiti Alam di Kompleks sukan Kualiti Alam</p> 

29-Jan

Perlawanan persahabatan Blatampar dan Takraw diantara Perwaris Alam vs Pilihan Kualiti Alam bertempat di Kompleks Sukan Kualiti Alam



FEB

6-Feb

Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Alam Sekitar Johor bertempat di Millenium Sports Centre Skudai Johor. Kualiti Alam telah menghantar tiga pasukan ke kejohanan tersebut dimana pasukan Kualiti Alam A telah layak ke suku akhir, walaubagaimanapun mereka telah terkandas untuk melangkah lebih jauh.....



20-Feb

Pertandingan Bowling Terbuka UEM Enviro telah diadakan di Ampang Super Bowl Seremban Parade. Pada kejohanan tersebut penyertaan bukan saja daripada kakitangan yang bertugas di Seremban saja tetapi ada juga yang datang daripada KL dan Johor...



MAC

18-  
Mac

Mesyuarat Agung KESUKA kali Ke Tiga telah diadakan bertempat di Kantin WMC dan dirasmikan oleh Penaung Kelab yang juga merupakan Ketua Pegawai Operasi UEME

20-  
Mac

Kejohanan Badminton Terbuka UEME telahpun diadakan di Kompleks Sukan Dato' Abd Samad Seremban 2



26-28  
Mac

Unit Pancing melakukan aktiviti memancing dilaut dalam di Kemaman Terengganu. Semua aktiviti memancing akan dilakukan di atas Bot termasuklah mencandat sotong..



APR	10 April	<p>Menyaksikan perlawanan Akhir Bolasepak diantara Negeri Sembilan vs Kedah di Stadium Nasional Bukit Jalil mereput Piala FA. Negeri Sembilan telah Berjaya menjadi Johan pada perlawanan tersebut.</p> 
-----	----------	--

MEI	7 Mei	<p>Majlis Bacaan Surah Yassin, Tahlil dan Doa Selamat telah diadakan di Surau SSFM bertujuan kirim arwah Saudara Muhammad Syafiq yang telah kembali keRamahTullah pada 3 Mei. Selain itu kiriman arwah kepada yang berhajat disamping memohon keberkataan kepada Illahi semoga semua pekerja UEME mendapat perlindunganya dan dijauhkan segala marabahaya.</p>
	9 Mei	<p>Menyertai Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah diadakan di kompleks Belia dan Sukan Paroi. Kualiti Alam telah menghantar tiga pasukan kekejohanan tersebut dimana Team Futsal A telah Berjaya sampai keperingkat separuh akhir.</p> 



22 Mei

Menyertai kejohanan Paintball anjuran Jabatan Keselamatan, Kesihatan dan Pekerjaan cawangan Negeri Sembilan di Eagle Ranch Port Dickson. UEME telah menghantar satu pasukan tujuh orang kekejohanan tersebut.



27- 30  
Mei

Unit Kembara Kesuka seramai lapan orang telah membuat xpcd ke Utara Tanah air bermula di Perlis,Kedah dan berakhir di Pulau Pinang.Selain membuat lawatan ketempat-tempat yang menarik seperti gua-gua, taman Negara, mereka juga turut mengadakan aktiviti gotong royong bersama kakitangan E-Idaman membersihkan taman rekreasi di Titi Hayun Gunung Jerai.





JUN

Latihan senam robik dan poco-poco telah diadakan di Club House/Gelanggang futsal Kualiti Alam bermula jam 6.00 ptg. Latihan diadakan pada setiap hari selasa selama lapan minggu. Ini juga sebagai persiapan sempena Hari SHQ yang akan dilancarkan pada bulan November 2010



JULAY

2 – 4  
July

XPDC unit Kembara menjelajah ke Pulau Mutiara Pulau Pinang

10 July

Menyertai kejohanan Bowling anjuran Kelab Alam Sekitar Negeri Kedah. Kejohanan telah diadakan di Park Avenue Bowling Centre Sungai Petani. Pasukan UEME telah menduduki tempat ke 3 dan ke 15 daripada jumlah penyertaan sebanyak 48 pasukan yang mengambil bahagian.....Tahniah....



18 July

Sempena lawatan Menteri Besar Negeri Sembilan ke Kg Sendayan dalam program Pemimpin bersama rakyat beberapa aktiviti bersama telah dijalankan seperti perlawanan persahabatan futsal diantara pasukan pilihan UEME dan Kg Sendayan, pameran oleh pihak Kualiti Alam, Jabatan Kesihatan dan lain-lain lagi.



4 July

Karnival Sukan KA/JAS Malaysia telah diadakan di Pusat Komuniti Sukan Cyberjaya daripada jam 8.00 pagi hingga 5.00 ptg. Sebanyak tiga acara sukan telah dipertandingkan iaitu Golf, Futsal dan Badminton. Untuk dua tahun berturut-turut UEME telah dipilih menjadi juara keseluruhan. Lebih bermakna lagi pada majlis penutupan kejohanan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Tan Seri Datuk Seri Panglima Josephth Kurup.





OGOS

Bulan Ramadhan....

SEPT

4 Sept

Satu majlis berbuka puasa Ajk Kesuka telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Seremban.



30 Sept

Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri telah diadakan di tapak letak kereta WMC. Majlis bermula seawal jam 12.00 th dan berakhir jam 5.30 ptg. Seramai 600 orang telah hadir pada majlis tersebut meliputi kakitangan UEME, wakil-wakil orang kampung terdiri daripada Kg Sendayan, Kg Jimah Lama, Kg Jimah Baru, Kg Gadong Jaya dan Kg Ladang Tanah Merah. Majlis diserikan dengan kehadiran artis popular tanah air seperti Ramlah Ram, Dato' A. Rahman Hassan, Helmi Dato' A. Rahman dan Datin Azizah Muhamad. Nyanyian barisan artis ini telah diiringi oleh kumpulan band D' Elektras daripada Kor Diraja JLJ Port Dickson. Majlis disajikan dengan hidangan seperti Nasi Briyani, ayam panggang, Lemang, Kueh mueh, air beranika, cendol, Char Kue Tiow dan lain-lain lagi..







OKT 30 Okt Satu rombongan penyokong menaiki bas ke stadium Nasional Bukit Jalil menyaksikan perlawanan akhir bola sepak diantara Kelantan dan Negeri Sembilan

NOV 6 Nov Satu pertandingan snooker terbuka UEME telah diadakan di Pusat Snooker di Oakland Komesil Centre Seremban.Kejohanan bermula seawal Jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang



13-14  
Nov

Menyertai pertandingan Badminton anjuran Sukan Industri Negeri Sembilan (SUKINS) di Summer Sport Centre, Oakland Commercial Centre Seremban. Pada kejohanan tersebut pasangan regu campuran En Zain dan Wan Rozina telah mendapat tempat kedua..syabas..



16 Nov

Majlis penyerahan lembu Qurban untuk Kampung-kampung kejiranan Kualiti Alam seperti Kg Sendayan, Kg Jimah Lama, Kg Jimah Baru dan Kg Gadong telah disempurnakan oleh GMHR En Sulaiman Ahmad. Penyerahan turut disaksikan oleh En Razali Abu Bakar SM-SSFM, En Sulaiman Kamilan Presiden Kesuka dan En Shahrul Othman Timbalan Presiden Kesuka.



Kg Sendayan



Kg Jimah Baru



Kg Jimah Lama



Kg Gadong



18 Nov

Satu majlis Qurban telah diadakan diperkarangan Club House Kualiti Alam. Sebanyak dua ekor lembu telah disembelih dan agihan daging Qurban telah diberi bukan saja kepada kakitangan yang berada di WMC tetapi Febar Tower dan Mercu. Sembelihan telah dijalankan oleh Imam dua Masjid Kg Sendayan iaitu Ustaz Abdullah yang juga adalah Guru Kelas Berzanji di WMC.



27 Nov

Menyertai aktiviti gotong royong anjuran MPPD/Revive sempena kempen membersih pantai Port Dickson. Peserta ialah Sulaiman,Shahrul,Rahaizad,Faizal,Normalis,Zuraihah, Mimi Liza dan Norherry...



DIS

3 Dec

Satu perlawanan persahabatan Bowling diantara pilihan UEME vs Nastle Chembong telah diadakan di Ampang Super Bowl Seremban Parade. Pada pertandingan tersebut pilihan UEME telah menjadi juara keseluruhan.



12 Dec

Menyertai pertandingan Sepak Takraw anjuran Liga Industri Negeri Sembilan ( SUKINS ) di Centre Court Stadium Tuanku Abd Rahman Paroi, Negeri Sembilan. Pilihan Kualiti Alam menghantar dua regu kekejohanan tersebut.



26 Dec

Pertandingan memancing di Teluk Pelanduk Port Dickson anjuran MPPD.

